

Cerpen

Mercu Tanda Kasih Diana

Norsiah Abd Gapar

“APAKAH kamu tidak sayang akan suami kamu? Tidak kasihan? Mungkin dia sedang diseksa di sana.”

Kata-kata itu seakan menyentap urat tali jantung Diana. Dia terhenti bernafas untuk beberapa saat; memikirkan wajarkah dia menjawab? Dan hampir saja dia menjawab:

“Kerana sayang dan kasihan itulah Ana tidak lakukan apa yang Pak Uda mahukan.”

Tapi dia simpan saja jawapan itu di dalam hati.

Diana seteguhnya memujuk hatinya untuk hormat kepada lelaki yang berbadan besar, berperut besar, berserban besar dan berpakaian labuh warna kuning susu. Mewah!

Diana ingat pesan arwah suaminya: Biar orang melukai hati kita, kita tidak perlu membalas apalagi kalau orang itu lebih berusia dari kita dan di kalangan kerabat pula. Serahkan saja segala urusan kepada Allah.

“Aku terkejut bila diberitahu kamu tidak mengadakan kenduri doa arwah walau sekalipun. Kini suamimu sudah meninggal lebih sepuluh hari. Isteri jenis apa kamu ini?” Haji Saban menentang wajah Diana yang sedang tunduk. “Buat malu aku saja. Ramai jemaah masjid yang bertanya-tanya. Dan aku tidak tahu bagaimana mahu menjawabnya.”

“Pak Uda tidak perlu menjawabnya. Biarkan saja mereka bertanya.” Kata Diana lirih.

Terjegal mata Haji Saban memandang Diana. Wajahnya berubah. “Wah, mudahnya kamu menjawab. Apa alasan kamu tidak mengadakan? Masalah kewangan? Bukankah sedekah orang ramai di hari meninggalnya itu ada? Mungkin saja lumayan.”

“Memang ada Pak Uda; Ana akan gunakan wang itu sebagai sumber menyambung kehidupan kami sekeluarga. Anak-anak perlu bersekolah. Ana tidak bekerja.”

“Itulah. Kau tu yang sengaja mencari susah. Dulu hidup senang kau pilih lelaki yang tidak sekufu menjadi suami. Sudah itu kau berhenti kerja pula. Apalah yang dapat kau harapkan dari suamimu itu sangat. Berapalah gajinya kalau setakat seorang buruh kasar.” Haji Saban menemplak.

“Tidak ada faedahnya mengungkit perkara yang sudah ditakdirkan Pak Uda.” Kata Diana menahan rasa. Dia cuba lembutkan suaranya tapi hatinya meruap. Dia ingat lagi pesan suaminya. Dia tuntutan mulutnya untuk diam.

Orang tua itu menyeluk poket baju labuhnya, mengeluarkan sehelai wang kertas. “Kalau kewangan adalah masalah kamu, nah!” Dia meletakkan wang nota 50 ringgit ke atas lantai di hadapan mereka.

“Kau adakanlah kenduri makan empat puluh hari nanti. Jangan tidak! Dan kalau rasanya hidupmu anak beranak susah benar, berkahwinlah lagi. Cari orang berharta. Kau pun masih muda.” Kata Haji Saban sambil berdiri. Diana merasa tersengat mendengar cadangan terakhir orang tua itu. Isu yang amat sensitif. Berkecai rasanya jantung Diana. Dia menyabarkan hatinya selautan kudrat yang dia ada.

Seperginya Haji Saban, Diana menuju ke dapur. Anak-anaknya beratur keluar dari kamar tidurnya. Diana memeluk mereka satu-satu dengan penuh kasih. Ammar, anaknya yang sulung memandang wajah Diana dengan mata sayu.

“Ammar, bawa adik-adik buat apa yang patut di meja luar. Umi nak memasak makan tengah hari kita.”

Diana berdiri di tepi singki yang menghadap jendela. Pandangannya dilempar ke halaman yang rimbun dengan pokok-pokok hijau. Ada seponon pokok mangga yang suaminya tanam ketika mereka pertama kali pindah ke rumah itu sebagai pengantin baru. Enam tahun lalu pertama kali berbuah. Mangga harum manis yang sangat baik isinya. Bila pokok itu berbuah ranum, anak-anak amat suka sekali. Berhari-hari buah mangga itu sajalah pengisi perut mereka sekeluarga.

Diana mengesat kelopak matanya dengan jari kanan. Mengimbau masa silam saat suami sudah tidak ada di sisi, menjadi satu kebahagiaan. Itulah saja yang dia ada; kenangan dan anak-anak.

Diana masih ingat saat pertama kali mengenali Solihin; lelaki itu menolongnya untuk menukar tayar keretanya yang pancit. Dia terpesona memandang sosok lelaki di hadapannya yang begitu sopan, sejuk mata memandang. Tidaklah sekacak Shah Rukh Khan tapi memiripi wajah aktor Bollywood itu. Tubuhnya kurus tinggi, penampilannya santai. Tujur katanya indah dan santun. Walaupun kulitnya agak gelap, tapi senyumannya sangat manis. Benar-benar menggoda perasaan seni Diana. Belum pernah dia jatuh hati dengan mana-mana jejaka sepanjang dua puluh tujuh tahun usianya.

Diana yang memulai hubungan mereka. Dia sering menghubungi Solihin melalui telefon bimbit, bertanya itu dan ini. Kebetulan Solihin punya pemahaman ilmu agama yang baik; seorang pembaca Al-Quran yang fasih. Diana jadikan itu sebagai batu loncatan untuk mengenal hati budi Solihin lebih dekat.

Diana juga yang dulu menzahir perasaan sayang. Agak terkejut juga lelaki itu. Solihin mengingatkan Diana tentang siapa dirinya, menasihatinya agar bermuhasabah diri dan bersolat istikharah.

“Awaklah yang solat istikharah, kerana awak yang belum yakin. Saya dah yakin. Saya tahu latar kedudukan awak. Saya bersedia sehidup semati dengan awak.” Kata Diana.

Seminggu Solihin tidak muncul. Menelefon pun tidak, dan panggilan telefon Diana tidak dijawab. Naik risau juga Diana dibuatnya.

Hari ketujuh baru panggilan telefon Diana diangkat. Bukan kepalang sukanya Diana seperti orang yang menerima hadiah dari langit.

“Inilah jodoh yang Allah telah aturkan untuk saya dan awak. Terima sajalah akan ketentuan Ilahi ini.” Kata Diana tanpa basa basi.

“Baiklah.” Jawab Solihin dalam nada tanpa intonasi.

“Tak terujakah dia?” Tanya hati Diana sedangkan ruang dada Diana gempita dengan sejuta warna, ibarat langit malam yang bergemerlapan dengan percikan bunga api.

“Awak solat istikharahkah?” Diana berserkap jarang.

“Ya.” Jawab Solihin.

“Aha, ertinya okaylah tu kan? Alhamdulillah.” Lapang hati Diana.

Seluruh keluarganya kecuali arwah ayahnya menentang pilihannya bersuamikan Solihin, hanyalah kerana Solihin orang pendatang dan miskin. Tidak setaraf dengan mereka. Walhal mereka pun bukan orang berharta sangat. Cuma mampu tinggal di rumah konkrit dua tingkat beratap jubin hasil jualan tanah peninggalan neneknya. Mewah kerana duit pencen ayahnya sebagai seorang pegawai pelajaran satu ketika dulu. Dan dia menampung kemewahan itu dengan

memberi tiga suku dari gajinya setiap bulan. Mungkin mereka khawatir bila dia berkahwin dengan Solihin pasti akan terputus pemberian bulanan yang agak besar itu yang tentunya akan merudumkan tahap kemewahan yang sedang mengulit hidup mereka.

Gaji Diana sebagai seorang kerani sulit di sebuah jabatan kerajaan memang lumayan juga, dan dia tidak pelit untuk mengongsikannya dengan orangtuanya, abang, dan kakak yang tidak pernah punya kerja tetap. Selama sepuluh tahun dia berkorban untuk keluarga demi membalas jasa ayah ibu yang telah membesarkannya, mengeneppikan keperluan dirinya sendiri. Hadirnya Solihin di dalam hidupnya mengubah segalanya. Bagi Diana, sudah tiba masanya dia berlaku adil kepada dirinya sendiri.

Mereka diijabkabulkan dalam suasana yang teramat sederhana. Cuma majlis nikah diikuti dengan makan-makan kecil dihadiri oleh saudara-mara terdekat, rakan-rakan rapat mereka dan jiran-jiran.

Sebelum ayah Diana meninggal, beliau telah menghadiahkan rumah yang mereka huni itu, yang lama tersadai begitu saja sejak nenek Diana meninggal. Walaupun rumah itu agak usang, Solihin sebagai tukang yang bijak, telah memperbaikinya dengan baik.

Diana bunting pelamin. Dia terus bekerja sehingga saat melahirkan walaupun Solihin berkali-kali meminta dia berhenti sahaja. Biar dia yang mencari nafkah untuk kelangsungan hidup mereka. Selagi dia sihat dengan izin Allah, tulang empat keratnya itu akan dikerahnya untuk berkerja demi orangtuanya di kampung, isteri dan anak-anak yang bakal lahir nanti. Keyakinan Solihin itu yang menjulang kasihnya kepada lelaki itu.

Keputusan Diana untuk berhenti kerja ditentang keras oleh ibu, abang dan kakaknya tanpa mampu berbuat apa-apa. Sebagai seorang isteri, dia adalah milik suaminya. Syurganya di tangan suaminya. Hitam kata suami, hitamlah; putih kata suami putihlah. Apa lagi setelah bayi pertama lahir yang mendambakan perhatiannya sepenuh masa. Andai dia bekerja siapa yang akan menjaga kelangsungan harian anaknya itu? Ibunya? Walaupun andainya orang tua itu setuju, (yang sememangnya ibunya tidak setuju), dia tidak mahu membebankan ibunya yang sudah berjerih payah membesarkan dirinya, abang dan kakaknya. Pengasuh? Kalau dia terus bekerja memang gajinya mampu menampung gaji seorang pengasuh. Tapi hatinya tidak rela anaknya dijaga oleh orang lain. Pastinya dia tidak akan dapat fokus kepada kerjanya di pejabat dan dia merasa itu tidak adil kepada majikannya. Dia akur sebagai ibu, tanggung jawab membesarkan anak terletak diatas pundaknya seratus peratus.

Wang baksis yang diterima setelah bekerja selama sepuluh tahun digunakannya untuk membina kehidupan bersama Solihin walaupun suaminya menolak. Kata suaminya duit itu haknya sepenuhnya dan meminta dia menggunakannya untuk keperluannya sahaja. Tapi dia tidak punya banyak keperluan untuk dirinya sendiri. Yang penting baginya turut sama membiayai kelangsungan hidup mereka, meringankan beban suaminya yang juga setiap bulan tidak pernah mungkir dari mengirim wang kepada orangtuanya di tanah seberang. Ayah Solihin tidak mampu bekerja kerana diserang angin ahmar dalam usia yang masih muda; ibunya pengidap diabetik yang sukar dikawal. Dan tiga orang adik-adik yang masih bersekolah yang memerlukan bantuan.

Diana tidak nafikan pada awalnya, dia lemas diduga ombak kehidupan sebagai seorang isteri, dan ibu yang tidak pernah kering tangan. Tapi dia mengingatkan dirinya akan janjinya kepada Solihin di awal perkenalan. Dia malu ditemplak suami walaupun Solihin bukan jenis lelaki sedemikian. Solihin istiqamah mendoakannya menjadi isteri solehah, yang sabar dan sentiasa bersyukur atas nikmat yang dikurniakan Allah hatta sekelumit.

Berkat doa Solihin setiap sujud di dinihari, dia dengan perlahan menjadi seorang isteri yang redha. Solihin mengajarkannya solat yang betul, mengakrabi membaca Al-Quran dengan tadabbur

dan tartil; menyemarakkan amalan sunnah pada kehidupan seharian mereka; di penghujungnya menjadikan dia wanita taqwa.

Untuk tempoh sepuluh tahun itu mereka melayari bahtera di atas samudera kehidupan yang sentiasa teduh dari terjahan gelombang. Sekadar riak-riak kecil, itu biasa. Kesabaran Solihin yang maha tinggi mengatasi segalanya. Balik dari kerja yang memang memenatkan dia akan sambung menolong kerja rumah dan mengajar anak-anak mengaji muqaddam dan Al-Quran. Seajar dengan itu, tanggung jawab solat kepada Yang Khaliq tidak pernah diabaikan sesibuk dan sepenat mana pun mereka.

Sehinggalah pagi Jumaat dua minggu yang lalu bertepatan dengan tarikh lahir Solihin yang ke 40, Diana diberitahu suaminya terjatuh dari tingkat lima bangunan di mana dia bekerja dan meninggal dunia serta merta kerana cedera parah di kepala. Dia terus rebah, pandangannya gelap namun nun di ufuk serebrumnya ada bisik mengingatkan; Allah memberimu ujian maha berat ini kerana Dia tahu kau kuat untuk menggalasnya. Lantas digagahnya mencelikkan mata. Hatinya bagai disayat-sayat melihat anak-anaknya menangis dan meraung memeluknya. 'Aku mesti kuat. Kuat untuk mereka.' Dia tahu saat itulah dia wajar menggapai maqam redha dengan tulus: *inna lillahi wa inna ilaihi rojiuun*.

Diana tersedar dari lamunan, mengesat tubir mata untuk kesekian kali. Kerinduan kepada Solihin benar-benar mencengkam jantungnya sehingga dia terasa seakan putus nafas. Tablahlah wahai hati! Dia memujuk. Dia sudah berjanji kepada dirinya akan menjadi seorang perempuan yang gagah demi anak-anaknya

Diana ingat beberapa hari sebelum tragedi itu, Solihin ada membangkitkan hal agar tidak membuat apa-apa kenduri arwah untuknya andainya dia pergi dulu. Rezeki yang diterima gunakan saja untuk menampung kehidupan seterusnya, dan belanja persekolahan anak-anak.

"Dan kalau Ana yang pergi dulu, abang pun buat begitu ya?"

Mereka saling berpandangan; senyum tersungging di bibir masing-masing.

Diana memandang duit 50 ringgit yang diberikan oleh Pak Udanya tadi. Apa yang dapat dihidangkan kepada tetamu dengan duit sejumlah itu? Sedangkan jemaah yang datang pasti ramai. Memang kebiasaan di kampung itu. Apa-apa pun majlis, berduyun-duyunlah penduduk kampung itu datang untuk sama meraikan. Dan lazimnya juadah yang dihidangkan kepada jemputan menyamai kalau pun tidak melebihi menu juadah sebuah majlis perkahwinan.

Duit yang diterimanya dari sedekah orang ramai di hari pengkebumian suaminya adalah juga mendekati empat angka tapi dia telah niatkan duit itu untuk kemaslahatan anak-anaknya. Sudah menjadi harta anak yatim yang tentunya tidak boleh digunakan untuk orang yang tidak berhak. Memakan harta anak yatim hukumnya haram dan akan menghumbankan si pelaku ke dalam neraka Sa'ir. Itu yang pernah didengarnya dari Solihin.

Dia terfikir juga bukankah bila seseorang mukmin itu meninggal dunia yang dapat membantunya di alam kubur hanya tiga perkara? Iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang berdoa untuknya. Tidak perlulah mencari di luar dari itu yang natijahnya membuang masa, tenaga dan harta. Menjadi perlakuan yang sia-sia.

Dia menganggap pesan suaminya itu adalah satu amanah yang wajar ditunaikannya. Apakah hukum orang yang khianat kepada amanah? Bukankah tidak amanah adalah salah satu ciri orang munafik? Dan tempat orang munafik adalah di neraka Hawiyyah, neraka yang paling dasar yang pasti gejala apinya maha hebat! Kecut sekujur jantungnya. Persoalan mengadakan kenduri arwah itu berlaga dan bertindih arus di otaknya, menjadikan jiwanya berantakan. Namun dia seolah tidak berani untuk berkata tidak kepada Pak Udanya.

Petang Jumaat empat puluh hari kemudian, Diana berdiri di beranda memandang ke bawah; ada dua buah khemah yang telah didirikan di halaman atas budi baik salah seorang jirannya. Khemah penuh hingga jemputan wanita terpaksa duduk berhimpit di ruang tamunya. Dia terdengar seseorang membaca doa, bukan suara Pak Udanya. Jantung dan pundaknya terasa berat. Dia menoleh ke ruang tamu; ternampak beberapa orang gadis tertawa-tawa, sibuk bercerita tetapi kedua tangan mereka menadah doa. Dan bila tiba waktu untuk makan, Diana terpandang mereka mencebikkan bibir sambil menggapai bungkusan makanan di hadapan mereka.

Usai majlis, dan belum pun beredar semua tetamu, Haji Saban dengan cepat bergerak ke bawah tangga memanggil namanya dengan suara yang keras.

“Turun!” bentaknya.

Diana turun dengan cepat, dada bergemuruh kuat.

“Makanan apa yang kau hidangkan itu? Air minuman pun yang biasa. Tak sejuk pula tu!” Dengus Haji Saban. Marah benar dia.

“Masih makanan juga Pak Uda.” Jawab Diana perlahan.

“Nasi katok! Sekepal nasi dengan seketul keratan ayam goreng dan hirisan timun! Majliskah itu? Memadaikah itu?” Terbeliak biji mata Haji Saban.

“Satu bungkus harganya satu ringgit Pak Uda. Itu saja yang Ana mampu. Kalau niat mereka datang untuk menyampaikan doa kepada arwah, memang memadai Pak Uda,” Dia mahu menambah “kerana belum tentu ada pahala yang akan sampai kepada arwah.” Tapi itu hanya berlegar di benaknya.

Meruap merah di wajah Haji Saban. Dadanya ketara bergetar mendengar jawaban Diana yang baginya amat kurang adab itu. Dia mendengus lagi, menarik selendang putih dari bahunya, melibaskannya ke samping, bergerak dengan gegas menuju ke keretanya.

Diana tercegat kaku memandang kereta Haji Saban menderum laju meninggalkan asap yang hitam, seakan tertempel di wajahnya. Dia menarik nafas. Satu rahmat fikirnya: ibu, abang dan kakaknya tidak hadir kerana mereka sedang bercuti di negara jiran. Kalau tidak mungkin lebih kecoh suasana.

Diana menaiki anak tangga semula dengan dahi berkerut. Di tabir jantungnya masih tersisip rasa bersalah mengabaikan pesan suami. Tapi dia tersepit di antara pesanan arwah suami dan kehendak seorang tua, adik kepada ibunya sendiri. Moga Allah ampunkan kelemahannya itu.

Masuk ke dalam rumah dia melihat anaknya Ammar yang berusia sembilan tahun sedang memasukkan bekas-bekas kertas pembungkus nasi katok ke dalam bakul sampah, dibantu oleh Khadiza anak keduanya yang berumur setahun lebih muda. Mohd Amin tujuh tahun, Fatimah enam tahun dan Zahra lima tahun sedang mengangkat cawan-cawan kertas ke dapur. Si kembar Radzi dan Razif tiga tahun leka bermain dengan botol plastik yang kosong.

Anak-anak penyejuk matanya, peneduh jantungnya, penyumbang kekuatannya untuk terus hidup.

Dia diberitahu oleh mantan majikan suaminya tentang duit insuran pampasan yang akan diterimanya menghampiri 100k. Dia akan bagikan wang itu mengikut faraid. Masih ada bahagian untuk ayah dan ibu Solihin di tanah seberang. Dia akan uruskan bahagian yang anak-anaknya bakal terima sebaik mungkin. Moga cukup untuk sara kehidupan dan pembelajaran mereka sehingga mereka berdikari.

Diana akan didik anak-anaknya seramai tujuh orang itu menjadi anak-anak yang soleh, menghidupkan jiwa dan akhlak Al-Quran. Akan dipastikannya mereka menjadi Al Hafiz dan Hafizah. Moga mereka menjadi aset untuk kesejahteraan walid mereka di alam barzakh hatta di Padang Mahsyar. Dia akan usahakan itu dengan kudratnya, tanpa menagih bantuan dari sesiapa.

Dan dia memutuskan akan menjadi ibu tunggal sepanjang hayat. Semangat yang kental itu hadir dari sanubari yang maha dalam yang bertawakkal hanya kepada Allah ‘Azza wa Jalla.

Itulah mercu tanda kasihnya kepada arwah suaminya yang ingin dijelaskannya kepada Haji Saban, andai lelaki itu masih sudi mengunjungi mereka satu masa nanti.

Biodata Penulis:

Norsiah Abd Gapar, kelahiran Pekan Seria, Daerah Belait, Brunei Darussalam pada 24 April 1952. Menulis dalam genre cerpen dan novel. Kumpulan cerpennya adalah *Tsunami di Hatinya* (2009). Sementara novelnya adalah *Pengabdian* (1987), *Janji kepada Inah* (2007), *Gerun* (2013) dan *Misyar* (2018). Norsiah Abd Gapar adalah penerima Hadiah SEA Write 2009.